

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 20 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 18

## Gesa kecualikan GST beli rumah pertama

**Kota Bharu:** Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (CUEPACS) menggesa kerajaan mengecualikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kepada pembelian rumah pertama penjawat awam dan individu berpendapatan rendah.

Presidennya, Datuk Azih Muda berkata, ia membabitkan semua jenis rumah termasuk Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPA1M), Perumahan Rakyat Malaysia (PRIMA), Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan pembinaan rumah sendiri.

Katanya, GST perlu dimansuhkan memandangkan lebih 50 peratus atau antara 800,000 hingga 900,000 daripada 1.6 juta penjawat awam tidak memiliki rumah.

"Ia membabitkan golongan muda berusia antara 25 dan 35 tahun yang kebanyakan berpendapatan RM3,000 ke bawah tidak mampu membeli rumah



**AZIH**

berharga sekitar RM150,000 hingga RM300,000.

"Kami minta kerajaan kecualikan GST untuk pembelian dan pembinaan rumah pertama kepada penjawat awam dan rakyat berpendapatan rendah.

"Ia bagi menggalakkan golongan muda memiliki rumah sejak usia remaja lagi kerana kebiasaan pembiayaan pinjaman mengambil masa dalam tempoh 30 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi dialog Wacana Transformasi Nasional 2050 (TN50) anjuran CEUPACS di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) di sini, semalam.